

EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)
9 OCTOBER 2017

NOTICE ON THE IMPLEMENTATION OF ELECTRONIC VISA APPROVAL LETTER (eVAL) FOR ALL INTERNATIONAL STUDENTS

1. PURPOSE:

- 1.1. This information is intended to provide clarification to all Education Institutions regarding the enhancements implemented to the Visa Approval Letter (VAL) delivery as outlined in the Department of Immigration Circular *IM.101/HQ-G/1130/1/1-2(43)* dated 27 July 2017; and
- 1.2. Currently, the VAL is printed by Immigration Department, Cyberjaya and distributed to students by the institutes. In order to enhance the delivery of the VAL and ensure the highest level of security, JIM and EMGS will be implementing an Electronic Visa Approval Letter (eVAL) which will be generated as a soft copy through the EMGS' STARS system. The eVAL will be issued to students and institutions in place of a physical VAL.

2. PILOT PHASE:

- 2.1. With effect from **15 October 2017**, EMGS will commence a pilot phase to implement the eVAL issuance for all approved VAL applications. Any VAL approved on or after that date will be issued in the form of an eVAL. The Pilot phase will conclude on **31 December 2017**;
- 2.2. During the pilot phase, the eVAL option will be only be available for students who are enrolling into Public Universities (UA) and Private Higher Level Institutions (IPTs). All new VAL applications submitted during this period will be eligible for an eVAL and **All** successful applicants will be issued with an eVAL instead of a physical VAL;
- 2.3. With effect from **1 January 2018**, students applying to Language Centres (IPS), Ministry of Education and Skills Training Institutions (IATC), Department of Skills Development, Ministry of Human Resource will also be eligible for the eVAL;

- 2.4. There will be no additional charge during the pilot phase; and
- 2.5. With effect from **1 January 2018** (after the pilot phase) a fee of **RM150 (+6% GST)** will be imposed for each new eVAL issued through EMGS.

3. PROCESS IMPLEMENTATION:

- 3.1. Once the application is approved by Immigration, an eVAL notification will be sent to the student and the institution (No physical VAL will be printed). The student should download and print the eVAL for their reference;
- 3.2. This eVAL can be downloaded as a PDF from STARS (*My Account > My Applications > (Open the application by clicking on the application number) > Print eVAL*) as well as from the application tracker on Education Malaysia public website (www.educationmalaysia.gov.my). Institutions can email the eVAL to the student instead of relying on couriers;
- 3.3. Students from countries which require Single Entry Visa (SEV) to enter Malaysia can submit the eVAL to the Malaysian Embassy/Mission as part of their SEV application. Students who do not require SEV to enter Malaysia can travel to Malaysia with the eVAL; and
- 3.4. Upon arrival to Malaysia, the student will present the printed copy of the eVAL for the Immigration Officer at the entry point to verify the validity of the eVAL and issue a special pass for the student's entry into the country.

Education Malaysia Global Services
9 October 2017

EDUCATION MALAYSIA GLOBAL SERVICES (EMGS)
9 OKTOBER 2017

**NOTIS PELAKSANAAN ELECTRONIC VISA APPROVAL LETTER
(eVAL) UNTUK SEMUA PELAJAR ANTARABANGSA**

1. TUJUAN:

- 1.1. Maklumat ini bertujuan untuk memberi penjelasan kepada semua Institusi Pendidikan berhubung penambahbaikan ke atas pendedaran Visa Approval Letter (VAL) seperti yang digariskan dalam Pekeliling Imigresen *IM.101/HQ-G/1130/1/1-2(43)* bertarikh 27 Julai 2017; dan
- 1.2. Pada masa ini, VAL dicetak oleh Jabatan Imigresen di Cyberjaya dan diedarkan kepada pelajar melalui institusi. Bagi meningkatkan tahap kecekapan pendedaran VAL dan juga untuk memastikan tahap keselamatan yang tinggi, JIM dan EMGS dengan ini akan melaksanakan Electronic Visa Approval Letter (eVAL) dan ia boleh dijana sebagai *soft copy* melalui sistem STARS EMGS. eVAL akan dikeluarkan kepada pelajar dan juga institusi sebagai pengganti VAL secara fizikal.

2. FASA PERCUBAAN:

- 2.1. Mulai 15 Oktober 2017, EMGS akan menjalankan pelaksanaan eVAL secara fasa percubaan untuk semua permohonan VAL yang telah diluluskan. eVAL akan dikeluarkan untuk semua VAL yang telah diluluskan pada atau selepas tarikh tersebut. Fasa percubaan akan berakhir pada 31 Disember 2017;
- 2.2. Semasa tempoh fasa percubaan, kemudahan eVAL akan diberi kepada pelajar yang berdaftar di Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Semua permohonan VAL yang dipohon semasa tempoh ini akan layak untuk mendapatkan eVAL dan bukannya VAL fizikal;
- 2.3. Bermula tarikh 1 Januari 2018, pelajar-pelajar yang berdaftar di Pusat Bahasa, (IPS) Kementerian Pendidikan Malaysia dan Pusat Bertauliah (IATC), Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, juga akan layak untuk memperolehi kemudahan eVAL;

- 2.4. Tiada sebarang bayaran tambahan yang dikenakan semasa fasa percubaan dijalankan; dan
- 2.5. Mulai 1 Januari 2018 (selepas fasa percubaan) bayaran sebanyak RM150 (+6% GST) akan dikenakan untuk setiap permohonan eVAL baharu yang dikeluarkan melalui EMGS.

3. PROSES PELAKSANAAN:

- 3.1 Sebaik sahaja permohonan telah diluluskan oleh Jabatan Imigresen, makluman eVAL akan dihantar kepada pelajar dan institusi (tiada VAL secara fizikal akan dicetak). Pelajar dikehendaki untuk memuat turun dan mencetak eVAL sebagai rujukan mereka;
- 3.2 eVAL boleh dimuat turun sebagai PDF daripada STARS (*My Account > My Applications > (Open the application by clicking on the application number) > Print eVAL*) dan juga di laman web Education Malaysia ([www.educationmalaysia.gov .my](http://www.educationmalaysia.gov.my)). Institusi boleh menghantar eVAL kepada pelajar melalui emel dan tidak bergantung kepada perkhidmatan kurier;
- 3.3 Pelajar dari negara yang memerlukan “Single Entry Visa” (SEV) untuk masuk ke Malaysia boleh menghantar eVAL ke Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara (negara tersebut) sebagai sebahagian daripada permohonan SEV mereka. Pelajar yang tidak memerlukan SEV boleh terus memasuki Malaysia dengan menggunakan eVAL; dan
- 3.4 Semasa ketibaan di Malaysia, pelajar akan menyerahkan salinan cetak eVAL kepada Pegawai Imigresen di pintu masuk untuk mengesahkan kesahihan tempoh sahlaku eVAL dan mengeluarkan pas khas untuk membenarkan pelajar masuk ke Malaysia.